

KEBERKESANAN PROGRAM SUMBANGAN AMAL UNTUK  
PELAJAR-PELAJAR MISKIN ANJURAN YAKIN

OLEH:

SHARIFAH SUHARNI BT WAN ALWI

YAZNI BT TUKIMAN

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN  
CAWANGAN SARAWAK

SEPTEMBER 2002

## **ISI KANDUNGAN**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Surat Penyerahan Hasil Kajian	i
Penghargaan	iii
Abstrak	vi
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Penyata Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Hipotesis	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	9
<b>BAB 2 LATAR BELAKANG KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Objektif Kajian	11
2.3 Fungsi-fungsi YAKIN	12
2.4 Garis Panduan Dalam Menentukan Keluarga Miskin	13
2.5 Program-program Yang Telah dan Akan Dijalankan oleh Yakin	15

## **ABSTRAK**

Kajian yang dijalankan untuk melihat keberkesanan Sumbangan Amal yang dianjurkan oleh pihak YAKIN di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Sumbangan ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar dari golongan miskin dalam meningkatkan prestasi akademik mereka di sekolah. Di dalam kajian ini, seramai 100 responden telah dipilih di kelima-lima buah sekolah di sekitar Kuching iaitu SMK Tun Abang Haji Openg, SK Encik Buyong, SK Gersik, SK Matu Baru dan SK Gita. Responden juga telah dibahagi kepada dua kategori iaitu 50 orang para guru dan 50 orang para pelajar. Kajian ini bertujuan untuk melihat kejayaan program tersebut serta kepuasan hati responden terhadap layanan dan sumbangan yang dihulurkan. Hasilnya di dapati bahawa, hampir semua responden berpuas hati, namun keberkesanan program belum menampakkan hasilnya. Oleh itu, pihak YAKIN harus mengkaji semula kelemahan program dan meneruskan lagi usaha untuk dalam membasmi kemiskinan bagi merealisasikan kemiskinan sifar pada 2010 di Sarawak.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 PENGENALAN KAJIAN

Memang sudah menjadi lumrah setiap manusia tidak pernah bersyukur dengan apa yang ada. Segala keperluan yang disediakan tidak pernah mencukupi dan kita sentiasa merungut jika tidak mendapat apa yang diidamkan. Sesungguhnya kita cukup bertuah kerana dilahirkan di kalangan golongan yang mampu di mana mendapat segala keperluan asas dalam kehidupan. Kita mampu mendapat makanan yang lazat, pakaian yang berjenama dan mahal serta tahap pendidikan yang tinggi. Disebabkan kemewahan inilah, kita lupa ada insan lain yang bernasib lebih malang. Insan yang kurang bernasib baik ini hidup dibelenggui kemiskinan sehingga ada yang begitu sukar untuk mendapat sesuap nasi apatah lagi memasang impian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Kemiskinan dianggap sebagai keupayaan purata sesebuah isi rumah untuk mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang mencukupi. Pendapatan garisan kemiskinan ditakrifkan sebagai pendapatan yang mencukupi untuk membeli keperluan makanan yang minimum bagi mengekalkan sesebuah isi rumah dalam keadaan sihat dari segi pemakanan dan keperluan lain seperti pakaian dan alas kaki, sewa tempat kediaman, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi.<sup>1</sup>

Sebenarnya, konsep kemiskinan adalah relatif, yang perlu dibandingkan dengan satu ukuran yang mengambil kira tahap ekonomi semasa. Di Malaysia pada tahun 1970an,

---

<sup>1</sup> Rancangan Malaysia Kelima (1986), 1986-1990, ms 97

miskin di Sarawak terbela dengan adanya bantuan dan sumbangan yang dihulurkan oleh pihak YAKIN.

- 1.3.3 Untuk melihat sama ada sumbagan amal tersebut mendatangkan kepuasan hati di kalangan penerima.
- 1.3.4 Mengetahui kritikan dan pendapat yang wujud selepas Program Sumbangan Amal ini dijalankan.

#### **1.4 SKOP KAJIAN**

Setiap penyelidikan yang dijalankan mestilah mempunyai ruang lingkup yang tertentu untuk memudahkan para penyelidik mendapatkan maklumat. Di dalam kajian kami ini, kami telah memilih kawasan yang dipercayai mempunyai kaitan yang cukup tinggi dengan tajuk yang dipilih.

Kami menggunakan pejabat YAKIN yang terletak di Jalan Haji Taha sebagai pusat kajian untuk mendapatkan segala maklumat yang diperlukan kerana YAKIN merupakan fokus utama kajian kami. Ini disebabkan kami membuat kajian mengenai keberkesanan pihak YAKIN dalam Program Sumbangan Amal Untuk Pelajar-Pelajar Miskin. Oleh itu kami mendapatkan semua maklumat mengenai sekolah-sekolah yang terlibat melalui pihak pengurusan YAKIN. Di samping itu, YAKIN merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam menganjurkan program ini dan melalui mereka lah kami dapat mengetahui bilangan pelajar-pelajar yang menerima sumbangan.

Kami juga mengambil lima buah sekolah yang terlibat dalam program sumbangan amal ini sebagai kawasan kajian. Sekolah-sekolah terbabit ialah SMK Tun Abang